

Kuala Nerus

Pilih penuntut ikut piawaian

Seramai 30 penuntut program ijazah sarjana muda di Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), di sini, akan dipilih mengikuti Sijil Tahfiz Al-Quran UniSZA.

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) UniSZA Prof Dr Mahadzirah Mohamad berkata, semua penuntut itu akan dipilih melalui temuduga khas yang akan dijalankan.

Menurutnya, penuntut yang menepati piawaian ditetapkan akan dipilih untuk menjayakan program pertama dianjurkan pihaknya itu.

"Sijil Tahfiz Al-Quran UniSZA itu ialah kursus secara amali berpakej yang ditawarkan selama enam semester bermula semester satu sehingga mereka tamat pengajian di universiti ini.

"Penuntut yang terbabit perlu menghafaz 30 juzuk al-Quran dalam tempoh enam semester untuk membolehkan mereka menerima sijil berkenaan," katanya.